

COX'S BAZAR (Bangladesh), (Bernama) -- Malaysia akan meneliti beberapa kaedah bagi meningkatkan lagi dan menaik taraf perkhidmatan yang disediakan di hospital medan Malaysia di sini supaya ia dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik terutama kepada pelarian Rohingya. Panglima Angkatan

akan diperkemaskan... harap dapat buat lebih baik. Balik nanti kita akan sediakan laporan tentang cadangan-cadangan yang boleh dibuat," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke hospital itu di sini Sabtu. Lawatan beliau itu disertai bintang Hollywood kelahiran Malaysia Tan Sri Michelle

turut menerima kes melibatkan warga Bangladesh yang tinggal di kawasan berhampiran. Katanya laporan lengkap dan cadangan untuk penambahbaikan hospital itu akan dibuat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak secepat mungkin. "Operasi hospital ini turut mendapat kerjasama dan sumbangan



HOSPITAL MEDAN DI COX'S BAZAR AKAN DIPERTINGKAT

Oleh Kamarul Ariffin Md Yassin

Tentera Malaysia (ATM) Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohammed Noor berkata antara yang paling penting ialah menambah baik peralatan yang ada kerana jumlah pesakit semakin meningkat sejak dibuka 31 Nov lalu. "Mungkin ada beberapa perubahan perlu dibuat... ada beberapa perkara

Yeoh yang merupakan Duta Muhibah Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Raja Mohamed Affandi berkata sehingga kini hospital itu menerima lebih 4,000 pesakit dan walaupun tujuan asal penubuhannya adalah untuk pelarian Rohingya yang berada di kem-kem di sini, hospital itu

dari negara Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), "katanya. "Operasi hospital ini turut mendapat kerjasama dan sumbangan dari negara Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Bantuan yang diberikan UAE seperti kenderaan beri kita ruang dan peluang yang baik untuk beri bantuan. Kita kena tengok juga



pendekatan bagaimana nak urus peralatan yang diberi... Saudi juga beri peralatan," katanya. Raja Mohamed Affandi berkata hospital medan itu adalah untuk tiga bulan tetapi ada permintaan terutama daripada petugas untuk hospital itu diteruskan kerana jumlah pesakit semakin meningkat. Pembinaan hospital medan dan penyediaan aset perubatan serta latihan teknikal kakitangan perubatan awam dilaksanakan oleh ATM manakala operasinya dikendalikan Kementerian Kesihatan dan turut mendapat

sokongan Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Luar dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan. Pada satu-satu masa, hospital itu mempunyai tujuh pakar perubatan, lima pegawai perubatan kanan, 19 jururawat dan pembantu perubatan, seorang inspektor kesihatan dan 11 staf logistik. Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah yang turut sama dalam delegasi khas berkenaan, berkata hospital tersebut menjadi hospital rujukan dengan kebanyakannya melibatkan kes

radang paru-paru, pembedahan dan sakit kulit. "Hospital ini mempunyai penyampaian yang baik. Kita ada dua dewan bedah dan kemudahan lain yang lengkap," katanya. Terdahulu, delegasi khas itu melawat kem pelarian Balukhali dan melihat sendiri keadaan pelarian Rohingya yang tinggal dalam keadaan daif setelah meninggalkan kediaman mereka di wilayah Rakhine, Myanmar bagi menyelamatkan diri daripada penindasan.

--BERNAMA

